

Cuepacs setuju PTK dikekalkan

Kongres mahu laksana sistem penilaian komprehensif, tak beban kakitangan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) bersetuju Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dikekalkan tetapi mahu sistem peperiksaan dilaksanakan sekarang dimansuhkan dan diganti sistem penilaian baru yang komprehensif serta tidak membebaskan kakitangan.

Presidennya, Omar Osman, berkata satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi mengkaji dan menilai PTK secara menyeluruh sebelum kertas cadangan akan membentangkan cara penilaian baru dihantar kepada kerajaan untuk diteliti.

"Jawatankuasa terdiri daripada

presiden kesatuan gabungan Cuepacs akan bersidang Jumaat ini dan melakukan kajian menyeluruh sebelum menyerahkan kertas cadangan kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dalam tempoh 14 hari.

"Kita tidak mahu peperiksaan diwajibkan dalam PTK kerana ramai kakitangan tidak lulus terutama kumpulan sokongan I dan II berikutan tiada kursus disediakan untuk mereka.

"Adalah jelas PTK dilaksanakan bagi tujuan penilaian dan bukan peperiksaan untuk membuat penilaian terhadap kakitangan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Khas Kongres Cuepacs, di Wisma Cuepacs, di sini, semalam.

Omar berkata, langkah supaya sistem peperiksaan dimansuhkan adalah wajar kerana soalan disediakan tidak menjurus kepada kerja dilakukannya sehingga menyebabkan ramai gagal.

Selain itu, beliau berkata, pemanusiaan juga bagi memberi peluang kepada kakitangan yang dinilai dan lulus PTK menikmati anjakan gaji.

"Sistem peperiksaan menimbulkan banyak kekangan yang dianggap tidak adil kepada kakitangan awam," katanya.

Sementara itu, Cuepacs bercadang mewujudkan tabung amal yang antara lain untuk disalurkan kepada mangsa bencana dan kurang bernasib baik.

"Sekarang, kita tidak mempunyai

“Adalah jelas PTK dilaksanakan bagi tujuan penilaian dan bukan peperiksaan untuk membuat penilaian terhadap kakitangan”

Omar Osman
Presiden Cuepacs

sumber kewangan untuk menyalurkan bantuan dan akan mengkaji pada peringkat pengurusan sebelum mengambil keputusan melaksanakannya.

"Kita galakkan 1.2 juta kakitangan awam seluruh negara menyumbang RM1 setiap bulan untuk tabung ini yang juga satu cara meringankan beban kerajaan jika bencana berlaku kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan ahli gabungan Cuepacs bersetuju dengan cadangan itu, tetapi kajian lebih mendalam perlu dilakukan termasuk berkaitan perundangan kerana membatinkan kewangan.

"Jika tiada masalah, kita akan buat pelancaran tabung dan memulakan kutipan pada 1 Januari tahun depan," katanya.